

Kakitangan awam janji sokong Perdana Menteri

UM - 5 NOV 2003

PUTRAJAYA 4 Nov. — Kakitangan awam di seluruh negara berjanji akan memberikan sokongan padu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan ikrar untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman berkata, walaupun imej dan prestasi perkhidmatan awam telah diletakkan pada tahap yang tinggi ketika di bawah pimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, namun ia masih boleh dipertingkatkan.

“Saya mengambil kesempatan ini bagi pihak seluruh anggota perkhidmatan awam untuk menyatakan sokongan kita kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri baru kita.

“Dan berjanji akan terus memberikan perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang,” katanya pada Majlis Hari Kualiti Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan JPM, Datuk Muhammad Mohd Noor.

Sehubungan itu Samsudin mengajak seluruh kakitangan kerajaan untuk berusaha lebih gigih bagi meningkatkan prestasi perkhidmatan awam di bawah pucuk pimpinan baru.

Malah, katanya, Perdana Menteri sendiri ketika menyampaikan ucapan pada Persidangan Kebangsaan Perkhidmatan Awam pada Jun lalu telah menggariskan lima prinsip asas yang perlu diikuti oleh setiap kakitangan dalam menentukan keberkesanan dan keupayaan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Prinsip-prinsip itu, kata beliau, perlu di

hayati dan diambil tindakan susulan bagi melaksanakannya di jabatan masing-masing.

“Saya yakin dan percaya sekiranya semua jabatan dan agensi dapat melaksanakan prinsip-prinsip tersebut, kualiti penyampaian perkhidmatan awam akan dapat ditingkatkan.

Prestasi

“Dalam masa yang sama prestasi dan kecemerlangan perkhidmatan awam akan terus meningkat ke tahap yang lebih tinggi,” ujar beliau.

Pada masa yang sama beliau turut meminta setiap agensi kerajaan supaya mengkaji semula piagam pelanggan supaya selari dengan perubahan persekitaran.

Menurut beliau, piagam itu merupakan elemen penting dalam mengukur prestasi penjawat awam kerana ia merupakan janji apabila menyediakan sesuatu perkhidmatan kepada orang ramai.

Selain itu, katanya, jika ada anggota yang terlibat dengan perlakuan negatif dan tidak bertanggungjawab perlu dikenakan tindakan supaya dapat membaiki sikap mereka.